



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA DIARAH KAJI SEMULA KATEGORI PERMOHONAN MYTRAVELPASS

1. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik semalam telah membincangkan maklum balas dan pandangan orang ramai berhubung program **MyTravelPass** di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan dikendalikan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).
2. **Susulan perbincangan berkenaan, saya ingin memaklumkan bahawa Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah meminta JIM supaya mengkaji semula kategori-kategori permohonan yang boleh diberi kebenaran terus tanpa perlu memohon kelulusan melalui MyTravelPass.**
3. **JIM akan membentangkan cadangan berkenaan kepada Jawatankuasa Teknikal COVID-19 MKN.**
4. Dalam pada itu, saya juga ingin menjelaskan bahawa dari 7 Oktober 2020 hingga 10 September 2021, JIM telah menerima sebanyak 356,510 permohonan. Daripada jumlah berkenaan, 208,509 telah diluluskan; 127,465 telah ditolak; 6,697 dibatalkan sendiri oleh pemohon; dan 13,000 permohonan sedang diproses oleh 3 *task force*.
5. Berdasarkan makluman daripada JIM, terdapat empat (4) faktor yang boleh menyebabkan permohonan ditolak iaitu nama berada dalam senarai syak oleh JIM; dokumen tidak lengkap; dokumen yang dimuatnaik tidak boleh dibaca; dan dokumen dipalsukan.
6. Sekali lagi diingatkan, **permohonan melalui MyTravelPass haruslah dibuat 14 hari sebelum hari jangkaan untuk berlepas.** Permohonan tersebut perlu dibuat secara atas talian di portal berikut: (<https://mtp.imi.gov.my>).
7. Mengenai isu beberapa syarikat penerbangan yang meletakkan syarat supaya penumpang menunjukkan **MyTravelPass** walaupun mereka berada dalam kategori yang tidak perlu membuat permohonan, ingin saya tegaskan bahawa syarikat-syarikat berkenaan tidak sepatutnya berbuat sedemikian. Saya telah minta Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong untuk memaklumkan kepada syarikat-syarikat berkenaan agar mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
8. Sementara itu, berikut merupakan kategori-kategori yang perlu dan tidak perlu memohon kelulusan melalui **MyTravelPass** seperti yang telah dijelaskan beberapa kali oleh JIM sebelum ini. Senarai kategori ialah seperti di **LAMPIRAN A.**

YB DATO' SERI HISHAMUDDIN HUSSEIN
MENTERI KANAN PERTAHANAN

16 SEPTEMBER 2021



MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

LAMPIRAN A: KATEGORI YANG PERLU DAN TIDAK PERLU MEMOHON KELULUSAN MELALUI MYTRAVELPASS

PERLU

- i. Warganegara yang **baru mendapat** tawaran bekerja atau belajar di luar negara.
- ii. Pelajar yang ingin menduduki peperiksaan di luar negara.
- iii. Menghadiri mesyuarat / seminar / urusan perniagaan di luar negara.
- iv. Menyertai pameran / pertandingan sukan / latihan di luar negara dengan mengemukakan surat sokongan daripada Agensi kawal selia.
- v. Urusan kecemasan ahli keluarga terdekat (kematian / ahli keluarga ditimpa kemalangan / sakit).
- vi. Pemegang Visa Pasangan / Tunangan (perkahwinan yang tidak didaftarkan secara sah).
- vii. Menyertai misi bantuan kemanusiaan / keagamaan dengan mengemukakan surat kelulusan yang telah diperolehi daripada Jawatankuasa Bersama JPM serta dokumen sokongan lain yang berkaitan.

TIDAK PERLU

- i. Diplomat dan pegawai Kedutaan Malaysia yang akan / kembali bertugas di luar negara termasuk tanggungan masing-masing.
- ii. Pelajar dan tanggungan yang **meneruskan pengajian** dengan syarat memiliki visa pelajar atau visa tanggungan yang sah.
- iii. Pemegang Pas Jangka Panjang di luar Negara (Pemastautin Tetap / Pas Residen / Pas Kerja dan lain-lain)
- iv. Bekerja dengan syarikat petroleum dan syarikat perkapalan yang perlu *sign-on* ke atas kapal di luar negara.
- v. Mengiringi pelajar ke luar negara bagi tujuan belajar dan terhad kepada dua (2) orang pengiring sahaja. **Pengiring perlu melakukan perjalanan keluar bersama-sama pelajar pada masa yang sama.**